

01/09/2000

Tindakan ISNA akibat ikut telunjuk Washington

Johari Mohd

ADALAH mengejutkan apabila Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA) menarik balik jemputan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berucap dalam kongres persatuan itu di Illinois, Amerika Syarikat.

Mengejutkan kerana mereka sanggup berbuat demikian selepas wakil mereka bersusah-payah datang ke Kuala Lumpur 'menyembah' Perdana Menteri supaya hadir di kongres berkenaan.

Memang menjadi hak mereka untuk menarik balik jemputan berkenaan tetapi yang menimbulkan persoalan mengapa mereka sanggup berbuat demikian?

Jika melihat kepada alasan yang diberikan bahawa penarikan balik jemputan itu kerana ada ahlinya membantah hukuman penjara ke atas bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, maka ia boleh disimpulkan bahawa mereka beranggapan Dr Mahathir turut campur tangan dalam bidang kehakiman.

Selain itu, mereka turut terdorong untuk percaya kepada laporan media Barat kononnya Anwar lebih dianiayai daripada diadili gara-gara sistem kehakiman di negara ini yang didakwa tidak bebas.

Ini diakui oleh setiausaha agung persatuan itu, Sayyid Syeed, bahawa penarikan balik undangan itu dilakukan kerana bantahan akan dibuat oleh sesetengah ahlinya sekiranya Dr Mahathir hadir ke kongres itu pada hari ini hingga 4 September ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak langsung menunjukkan reaksi keras terhadap ISNA, malah mengatakan ia hak mereka untuk berbuat demikian.

"Itu hak mereka untuk menarik balik jemputan. Saya tidak kisah," katanya ketika menjawab pertanyaan wartawan.

Beliau juga tidak berasa apa-apa dengan tindakan ISNA itu.

"Mungkin kulit saya tebal. Tetapi saya kasihan dengan mereka kerana mereka hanya mendengar satu pihak saja," kata Dr Mahathir.

Tindakan ISNA itu juga dilihat sebagai mengikut rentak Amerika Syarikat yang selama ini berusaha keras untuk memburukkan imej Perdana Menteri yang tidak mahu tunduk kepada kemahuan negara berkenaan.

Jika ISNA yang ditubuhkan pada 1981 itu benar-benar prihatin terhadap nasib yang menimpa Anwar, mereka sepatutnya menggunakan kesempatan daripada kehadiran Dr Mahathir untuk mendapatkan penjelasan sebenarnya apa yang berlaku terhadap Anwar.

Tindakan mereka menarik balik jemputan berkenaan menunjukkan mereka lebih suka mendengar apa yang diperkatakan oleh penyokong Anwar, internet dan media massa asing daripada Dr Mahathir sendiri. Tidak hairanlah jika Dr Mahathir mengatakan ISNA hanya suka mendengar sebelah pihak saja.

Mendengar daripada sebelah pihak samalah maknanya dengan tidak mahu memahami sesuatu isu itu dengan jelas. Ia bercanggah dengan prinsip ISNA, iaitu "Islam sebagai cara hidup." Jika prinsip itu dipertahankan, mereka sepatutnya tidak menyekat peluang orang lain untuk menjelaskan sesuatu perkara.

Bekas penulis ucapan Anwar, Dr Munawar Ahmad Anees, yang kini berada di Amerika Syarikat juga dikatakan mempengaruhi ISNA supaya membatalkan undangan terhadap Dr Mahathir.

Bekas penuntut Universiti Chicago itu mempunyai hubungan rapat dengan ISNA dan pertubuhan Islam lain di Amerika Syarikat. Oleh itu, tidak hairanlah jika beliau memainkan peranan untuk mempengaruhi ISNA dengan bertujuan memalukan Dr Mahathir.

Beliau pernah dipenjarakan enam bulan pada 19 September tahun lalu selepas

mengaku bersalah atas dakwaan melakukan hubungan seks luar tabii dengan Anwar. Beliau dibebaskan dua bulan lebih awal daripada tempoh enam bulan selepas didapati berkelakuan baik.

Perasaan sakit hati dan marah terhadap Dr Mahathir digunakan sepenuhnya oleh Munawar untuk mempengaruhi ISNA agar menarik balik jemputan berkenaan.

ISNA sepatutnya mencontohi Majlis Muslim Amerika (AMC) yang pernah bertemu Dr Mahathir di New York, September tahun lalu, untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu Anwar.

Presidennya, Nazir U Khaja, mengakui selama ini muslim Amerika yang prihatin dengan kes Anwar mengetahui mengenaiinya selepas banyak membaca daripada media Barat.

Bagaimanapun, selepas bertemu Dr Mahathir, AMC sedar bahawa laporan media Barat itu berat sebelah. Pertemuan dengan Dr Mahathir membolehkan AMC mendapat maklumat langsung mengenai kebebasan badan kehakiman dan media Malaysia selepas banyak yang dilaporkan oleh media Barat.

"Kini kami dapat membuat rumusan sendiri. Dan kami boleh memainkan peranan membantu Malaysia menyebarkan maklumat seimbang dan tepat kepada muslim dan masyarakat lain di Amerika," katanya.

AMC mewakili enam hingga tujuh juta muslim di Amerika yang kini suaranya semakin diberi perhatian dan diiktiraf oleh pihak berkuasa di New York.

Jika ISNA mencontohi sikap AMC, mereka tidak mungkin hanya mendengar pendapat penyokong Anwar semata-mata. Mereka sepatutnya menjelaskan kepada ahli mereka supaya bersikap lebih terbuka dengan mendengar dulu pandangan Dr Mahathir. Niat ISNA yang mahu memalukan Dr Mahathir hanya menggambarkan kelemahan mereka sendiri sebagai sebuah persatuan Islam.

Tindakan ISNA itu menimbulkan kemarahan pelbagai pihak, termasuk Pergerakan Pemuda Umno yang menyifatkannya satu kesilapan besar kerana menolak kesempatan terbaik untuk mendengar sendiri penjelasan Dr Mahathir berhubung isu Anwar Ibrahim.

Setiausahanya, Zulkifli Alwi, berkata jika ISNA berpegang kepada prinsip Islam, mereka sewajarnya memberi peluang kepada Dr Mahathir untuk menjelaskan kedudukan sebenar.

"Tindakan ISNA yang kononnya didorong oleh sentimen segelintir ahlinya tidak menepati prinsip Islam sebenarnya. Mereka sepatutnya mempunyai fikiran terbuka dengan tidak mendengar sebelah pihak saja.

"Sikap mereka ini akan merugikan umat Islam sejagat yang sepatutnya menggunakan kesempatan itu untuk bermusyawarah dan mengeratkan silaturrahim sesama umat," jelasnya.

Dalam hal ini, katanya, yang untung ialah musuh-musuh Islam yang memang suka melihat umat Islam bercakaran sesama sendiri.

Pergerakan Pemuda Umno juga melihat tindakan ISNA itu seiring dengan suara Amerika yang sering mengkritik kepemimpinan Dr Mahathir. Amerika Syarikat sudah pasti menyokong penuh tindakan ISNA itu.

Dalam hal ini, Pergerakan Pemuda Umno mengingatkan umat Islam supaya berhati-hati dengan agenda musuh Islam yang mahu menjejaskan imej pemimpin negara-negara Islam yang tidak mahu tunduk kepada kehendak mereka.

Zulkifli berkata, Pergerakan Pemuda Umno kesal kerana ISNA mendapatkan maklumat daripada pihak yang mempunyai agenda terhadap Malaysia seperti internet, media massa asing dan mereka yang berkepentingan di negara ini yang menyelewengkan fakta sebenar.

Sehubungan itu, Pergerakan Pemuda Umno meminta pertubuhan Islam luar negara, khususnya di Amerika Syarikat, mendapatkan maklumat sebenar daripada sumber yang sahih demi kepentingan umat Islam sejagat.

"Islam tidak mengajar kita mendengar maklumat sebelah pihak saja untuk membuat sesuatu keputusan," tegasnya.

(END)

